

17 NOV 2001

PERTANIAN-MAKANAN

KERAJAAN LETAK SEKTOR PENGELUARAN MAKANAN PADA ASAS YANG LEBIH KUKUH

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Dengan nilai import makanan yang berjumlah kira-kira RM13 bilion tahun lepas, kerajaan telah menetapkan beberapa langkah dalam Belanjawan 2002 bagi memastikan sektor pertanian negara dapat mengeluarkan produk makanan yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta syarikat-syarikat perladangan supaya mengeluarkan tanaman makanan juga.

Bagi memastikan syarikat-syarikat berkenaan melaksanakannya, kerajaan kini menyediakan elaun 100 peratus bagi perbelanjaan modal untuk menggalakkan pengeluaran makanan secara besar-besaran untuk eksport dan mengganti import seperti ternakan udang, florikultur dan penanaman buah-buahan yang dibenarkan, telah diberikan.

Yong Poh Chye, pengarah eksekutif Tax Advisory and Management Services Sdn Bhd (TAMS), berkata insentif itu juga telah diperluaskan kepada lain-lain projek pertanian seperti sayur-sayuran dan tanaman herba, penternakan ikan termasuk ikan hiasan, kerang dan tiram.

Beliau menyifatkan insentif itu sebagai langkah dalam arah yang betul untuk menempatkan sektor pertanian pada asas yang lebih kukuh.

Ternakan haiwan, koko, padi dan pelbagai pertanian seperti tanaman buah-buahan, kopra, sayur-sayuran, tembakau, teh dan bunga dijangka diperluaskan sebanyak 3.1 peratus tahun ini dan menyumbang 29.6 peratus ke arah nilai tambah dalam sektor pertanian keseluruhannya.

Sementara itu, menteri pertanian Datuk Effendi Norwawi berkata Malaysia boleh menjadi pengeksport makanan bersih dalam tempoh sembilan tahun dari sekarang sekiranya semua program projek utama di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dilaksanakan mengikut jadual.

Projek utama itu, kini dilaksanakan di 42 pertubuhan peladang kawasan (PPK) seluruh negara, dijangka mengubah 1,600 peserta kepada usahawan makanan.

Projek utama berkenaan meliputi pelbagai usaha pertanian dan akuakultur seperti penanaman padi dan sayur-sayuran, penternakan udang harimau dan ikan dalam sangkar, ternakan ayam itik dan memproses makanan.

Bagi memastikan ternakan ayam dapat memenuhi keperluan sendiri, kerajaan telah membenarkan penternakan ayam dan itik di koridor timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan status perintis.

Yong berkata ini bermakna usahawan akan memperolehi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 85 peratus daripada pendapatan statutori atau elaun cukai plaburan sebanyak 80 peratus bagi tempoh lima tahun.

Semasa tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), industri ternakan ayam itik mencatatkan 8.8 peratus setahun di mana pengeluaran meningkat daripada 687,000 tan metrik dalam tahun 1996 kepada satu juta tan metrik dalam tahun 2000.

Pengeluaran telur meningkat daripada 6.2 bilion unit dalam tahun 1996 kepada 8.2 bilion unit dalam tahun 2000, satu pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus setahun.

Tambahan pula, hasil penyelidikan dan pembangunan yang dikomersilkan menghasilkan telur yang lebih berkualiti dan bebas kolesterol telah dihasilkan.

Pengeluaran buah-buahan menyaksikan satu peningkatan sebanyak 6.2 peratus setahun daripada satu juta tan metrik dalam tahun 1996 kepada 1.4

juta tan metrik dalam tahun 2000 manakala kawasan tuaian meningkat sebanyak 4.0 peratus setahun daripada 244,500 hektar dalam tahun 1996 kepada 297,400 hektar dalam tahun 2000.

Sejumlah 15 jenis buah-buahan telah dipromosikan bagi tujuan penanaman komersil termasuk pisang, betik, nenas, tembikai, belimbing, mempelam, durian, rambutan, jambu batu dan buah-buah sitrus.

Pengeluaran sayur-sayuran khususnya yang berdaun, ubi dan buah-buahan juga meningkat daripada 718,000 tan metrik dalam tahun 1996 kepada satu juta tan metrik dalam tahun 2000, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus setahun.

Pengeluaran perikanan meningkat sebanyak 4.0 peratus setahun daripada 1.2 juta tan metrik dalam tahun 1996 kepada 1.5 juta tan metrik dalam tahun 2000, di mana kira-kira 85 peratus adalah dari tangkapan laut dan selebihnya daripada akuakultur.

Pendaratan ikan pesisir pantai menyumbang lebih daripada 80 peratus daripada jumlah tangkapan laut dan memberi pekerjaan lebih daripada 75 peratus daripada 98,600 tenaga kerja dalam sub-sektor dalam tahun 2000.

Pengeluaran akuakultur yang melibatkan kira-kira 19,700 peladang, meningkat daripada 133,000 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 255,000 tan metrik dalam tahun 2000, mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 14 peratus.

Pengeluaran udang dan ikan air tawar, bernilai pada RM840 juta dalam tahun 2000, melibatkan kawasan sejumlah 11,000 hektar.

Penternakan ikan hiasan yang diperkenalkan sebagai aktiviti komersil semasa tempoh RMK7 dan pengeluarannya meningkat daripada 253 juta dalam tahun 1996 kepada 350 juta dalam tahun 2000 dengan nilai pasaran sebanyak RM90 juta.

Pengeluaran daging lembu, kambing dan susu mencatatkan pertumbuhan antara daripada 5.2 hingga 10.5 peratus setahun, kebanyakannya disebabkan oleh integrasi penternakan haiwan dalam ladang kelapa sawit dan getah.

Baka baru Brakmas dan Malin akan dipromosikan, khususnya melalui program integrasi sedia ada dengan hasil perladangan untuk merangsang pengeluaran daging tempatan.

Bilangan burung unta dan rusa dalam negara meningkat masing-masing daripada 2,400 ekor dan 94,300 ekor dalam tahun 1995 kepada 5,000 ekor dan 165,100 ekor dalam tahun 2000. -- BERNAMA

SHY SHY NHD